

## Faktor Penentu Pembayaran Zakat Masyarakat Islam di Negeri Terengganu

### *Determinants of Zakat Payment among the Muslim Community in Terengganu*

Muhammad, H. (Pengarang Penghubung)

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM),  
Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu,  
Malaysia

Tel: +6098400400 Email: hamizahmuhammad@uitm.edu.my

Jalil, M.S.

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM),  
Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu,  
Malaysia

Tel: +6098400400 Email: syukrijalil@uitm.edu.my

Arifin, J.

Faculty of Business and Management, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus,  
Terengganu, Malaysia

Tel: +6096688226 Email: julianaarifin@unisza.edu.my

Muhammad, A.

Faculty of Applied Sciences, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan  
Terengganu, Kampus Bukit Besi, 23200 Dungun, Terengganu, Malaysia

Tel: +6098400400 Email: adida109@uitm.edu.my

Muda, S. M.

Faculty of Applied Sciences, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan  
Terengganu, Kampus Bukit Besi, 23200 Dungun, Terengganu, Malaysia

Tel: +6098400400 Email: munirah\_muda@uitm.edu.my

### Abstrak

Statistik pungutan zakat oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) yang semakin meningkat dari tahun ke tahun merupakan satu perkembangan yang amat baik buat MAIDAM dan masyarakat Islam Terengganu. Penyelidik tertarik untuk mengenalpasti apakah faktor yang mempengaruhi pematuhan pembayaran zakat oleh masyarakat Islam di Terengganu ini. Justeru, kajian ini bertujuan untuk (i) mengenalpasti perkaitan antara faktor

pengetahuan, pendedahan, efikasi diri, sikap dan kesedaran terhadap pembayaran zakat dan (ii) mencadangkan satu model berkaitan hubungan antara pengetahuan, pendedahan, efikasi diri, sikap dan kefahaman terhadap pembayaran zakat. Menggunakan kaedah kuantitatif, set soal selidik yang dibangunkan berdasarkan kajian-kajian lepas telah diedarkan kepada 384 orang masyarakat Islam Terengganu menggunakan teknik persampelan kawasan pelbagai lapisan dan persampelan rawak. Data yang dikutip dianalisis menggunakan perisian SPSS

Versi 22 dan Smart-PLS Versi 3.2.7. Dapatkan mendapati faktor pengetahuan, pendedahan, efikasi diri dan sikap menunjukkan hubungan yang signifikan kepada pembayaran zakat, manakala faktor kefahaman tidak mempengaruhi responden dalam membayar zakat. Dapatkan ini dapat membantu pihak berkaitan dalam merangka strategi bagi melonjakkan lagi jumlah kutipan zakat dari masyarakat Islam di masa akan datang. Walaubagaimanapun, dapatkan kajian ini hanya terhad kepada lima faktor penentu, justeru dicadangkan supaya kajian yang akan datang diluaskan lagi kajian terhadap faktor-faktor penentu yang lain untuk mendapatkan dapatkan yang lebih komprehensif.

**Kata Kunci:** Kutipan Zakat; Pembayaran Zakat; Pengurusan Zakat; Pembangunan Zakat; Faktor Penentu

### Abstract

*The statistics of zakat collection by the Terengganu Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIDAM) which is increasing from year to year is a very good development for MAIDAM and the Muslim community of Terengganu. Researchers are interested in identifying the factors that influence the compliance of zakat payment by the Muslim community in Terengganu. Thus, this study aims to (i) identify the relationship between the factors of knowledge, exposure, self-efficacy, attitude, and awareness towards zakat payment and (ii) propose a model related to the relationship between knowledge, exposure, self-efficacy, attitude and understanding towards zakat payment. Using quantitative methods, a set of questionnaires developed based on previous studies were distributed to 384 people in the Terengganu Muslim community using multi-layer area sampling techniques and random sampling. The collected data was analyzed using SPSS Version 22 and Smart-PLS Version 3.2.7 software. The findings found that the factors of knowledge, exposure, self-efficacy, and attitude showed a significant relationship to the*

*payment of zakat, while the factor of understanding did not influence respondents in paying zakat. This finding can help related parties in formulating strategies to increase the amount of zakat collection from the Muslim community in the future. However, the findings of this study are only limited to five determining factors. Hence, future research should expand its scope to encompass additional determining factors for more comprehensive outcomes.*

**Keywords:** Zakat Collection; Zakat Payment; Zakat Management; Zakat Development; Determining Factors

### Pengenalan

Zakat, salah satu daripada lima rukun Islam, adalah kewajipan asas agama dan komponen penting dalam kesejahteraan sosio-ekonomi Islam. Sebagai sumbangan amal wajib, zakat memainkan peranan penting dalam kehidupan umat Islam di seluruh dunia. Pada asasnya, zakat mewakili penyucian harta seseorang dan pengagihan semula sumber untuk memberi manfaat kepada golongan yang kurang berasib baik. Ia adalah kewajipan agama bagi semua orang Islam yang memenuhi kriteria kekayaan yang diperlukan, yang dikenali sebagai "nisab." Kadar zakat standard ialah 2.5% daripada jumlah simpanan dan aset individu, dikira sepanjang tahun lunar. Amalan zakat mempunyai akar sejarah yang mendalam dan telah banyak mempengaruhi struktur sosial dan ekonomi masyarakat Islam sepanjang sejarah. Hari ini, pelaksanaan dan penggunaan zakat berbeza-beza di seluruh negara dan wilayah yang berbeza, mencerminkan pelbagai tafsiran dan pendekatan kepada prinsip Islam yang penting ini.

Sha'ari dan Mohd Yusoff (2023) bersetuju bahawa zakat merupakan suatu ketetapan daripada Allah SWT yang dapat menyucikan harta, menstabilkan ekonomi serta kesejahteraan ummah. Sejarah

diwajibkan kutipan dan agihan zakat sebenarnya bermula pada tahun kedua Hijrah iaitu ketika di Madinah (Mohd Azmi et al., 2018). Dari segi teorinya, golongan yang diwajibkan membayar zakat adalah mereka yang memiliki kelebihan harta yang memenuhi syarat haul dan nisab pada tahun tersebut, yang kemudian diagihkan kepada asnaf (Jalil & Muhammad Puad, 2023). Zakat hakikatnya menjadi penyuntik kepada ekonomi ummah dalam membantu meringankan beban para asnaf zakat.

Berdasarkan statistik pungutan zakat yang dikeluarkan oleh MAIDAM, kutipan zakat di negeri ini menunjukkan trend peningkatan dari tahun ke tahun. Data yang diperoleh melalui laman sesawang MAIDAM menunjukkan bahawa pada tahun 2018, jumlah kutipan mencapai RM160.7 juta, manakala pada tahun 2019, ia meningkat kepada RM178.6 juta. Trend kenaikan ini berlanjut pada tahun 2020 dengan pencapaian sebanyak RM185.4 juta dan pada tahun 2021 meningkat lagi kepada RM205.2 juta. Pencapaian tertinggi dicatatkan pada tahun 2022 dengan jumlah kutipan mencapai RM228 juta.

Lebih menarik lagi, setakat 18 Disember 2023 kutipan zakat dilaporkan telah mencecah RM200 juta (Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, 2022). Ini menunjukkan trend positif yang berterusan dalam pemungutan zakat di Terengganu dengan memberikan gambaran tentang kecenderungan masyarakat untuk mematuhi kewajipan zakat, serta kesedaran yang semakin meningkat dalam sumbangan kepada asnaf dan pembangunan Islam di negeri Terengganu. Data ini juga memberikan landskap yang jelas kepada pihak berkepentingan tentang perkembangan dan keperluan untuk terus memperkuuhkan sistem pemungutan zakat bagi memastikan keberkesanan dan keberlanjutan dalam penyediaan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Fakta ini dilihat sebagai sesuatu yang amat menarik dan positif bagi MAIDAM khasnya dan masyarakat Islam Terengganu amnya. Penyelidik tertarik untuk mengkaji apakah faktor yang mempengaruhi masyarakat Islam Terengganu terhadap pembayaran zakat di negeri ini. Berdasarkan kajian-kajian lepas, antara faktor yang pernah dikaji berkait pembayaran zakat ialah pengetahuan (Hakimi et al., 2021), pendedahan (Ab Wahab, 2016), efikasi diri (Haji Othman et al., 2017), sikap (Hakimi et al., 2021; Waepa, 2018) dan kefahaman (Bidin et al., 2021) terhadap pembayaran zakat. Meskipun kajian tentang zakat ini boleh dikatakan telah agak meluas, namun didapati masih kurang kajian-kajian berkaitan pembayaran zakat berfokuskan di Negeri Terengganu.

Penjelasan mengenai faktor-faktor penentu yang dapat mempengaruhi pembayaran zakat di kalangan masyarakat mampu menyumbang kepada langkah penting dalam meningkatkan kadar pembayaran zakat di sesebuah negeri (Meerangani et al., 2021). Dengan mengenalpasti faktor-faktor ini, agensi-agensi lain yang berkaitan dapat memberikan perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperkuuhkan dan memperkasakan lagi sistem kutipan zakat. Dengan kata lain, pemahaman yang jelas tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan membayar zakat dapat memberi panduan kepada pihak berkepentingan dalam merancang dan melaksanakan strategi yang lebih efektif dalam meningkatkan kesedaran dan kepatuhan terhadap pembayaran zakat.

#### *Kajian Lepas Tentang Pengurusan Zakat*

Kajian berkaitan zakat di Malaysia telah dibahagikan kepada dua bahagian penting iaitu kajian pengurusan dan kajian pembangunan zakat. Aspek pengurusan merangkumi proses kutipan, pentadbiran,

dan pengagihan zakat, sementara kajian pembangunan menitikberatkan keberkesanan bantuan zakat terhadap asnaf (Ibrahim, 2014). Khususnya, kajian mengenai kutipan dan pengagihan telah menjadi titik tumpuan dalam penyelidikan sebelum ini, seperti kajian yang dilakukan oleh Raja Ahmad et al. (2015); Mohd Azmi et al. (2018); serta Suhardi dan Mohamed Fisol (2020). Kajian-kajian ini memperincikan peranan pihak seperti amil dan asnaf dalam proses pengurusan zakat, memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang cabaran dan penambahbaikan yang boleh dilakukan dalam sistem zakat Malaysia.

Raja Ahmad et al. (2015) yang melaksanakan kajian berkenaan pengurusan zakat di Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah mengenal pasti medium maklumat yang digunakan oleh penerima zakat untuk mendapatkan maklumat agihan zakat serta menilai tahap kepuasan penerima zakat terhadap pengurusan zakat MAIM. Dapatan kajian tersebut mendapati di sebalik kemajuan teknologi, penemuan mendedahkan bahawa medium utama yang digunakan untuk mendapatkan maklumat zakat adalah melalui mulut ke mulut. Manakala Mohd Azmi et al. (2018) menjalankan kajian berkaitan pengurusan zakat di bawah Majlis Agama Islam Perak (MAIPK). Dalam kajian tersebut, mereka mengenalpasti faktor yang mempengaruhi jumlah agihan dana zakat melebihi jumlah kutipan zakat di MAIPK. Hasil kajian mendapati bahawa permasalahan yang berlaku bukan disebabkan oleh ketidaktelusan tadbir urus bahagian zakat MAIPK tetapi disebabkan oleh faktor pembayar zakat yang gemar menunaikan zakat di saat akhir pada hujung tahun. Suhardi dan Mohamed Fisol (2020) pula meneliti skim agihan zakat kelolaan Lembaga Zakat Kedah (LZNK) agar ianya selari dengan kerangka *Maqasid Syariah*.

Kajian mereka mendapati agihan skim bantuan zakat yang dijalankan oleh LZNK kepada semua golongan asnaf telah mematuhi kerangka *Maqasid Syariah*. Walau bagaimanapun, LZNK telah mengutamakan pemeliharaan aspek akal berbanding pemeliharaan lain seperti pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan kekayaan untuk mencapai kemaslahatan dan kebijakan mereka. Namun begitu, kajian mereka mengusulkan supaya LZNK boleh menjadikan perancangan secara lebih sistematik dalam bentuk agihan agar dapat mengimbangi agihan sesuai kepada lima pemeliharaan berdasarkan kerangka *Maqasid Syariah*.

#### *Kajian Lepas Tentang Pembangunan Zakat*

Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, selain kajian-kajian yang memberi tumpuan kepada pengurusan zakat, terdapat juga kajian-kajian yang menekankan pembangunan zakat yang boleh ditemui dalam konteks di Malaysia. Contohnya, kajian oleh Sha'ari dan Mohd Yusoff (2023), Abdul Nasir (2023), Omar et al. (2016); Hambari et al. (2020); serta Ibrahim (2014), mengkaji peranan penting agihan zakat dalam memajukan golongan asnaf melalui pelbagai program holistik. Penelitian ini memberikan penjelasan yang mendalam tentang kesan serta strategi pembangunan yang berkaitan dengan zakat, membantu meningkatkan kesan positif bantuan tersebut terhadap penerima manfaat dan menyokong pembangunan komuniti secara menyeluruh.

Sha'ari dan Mohd Yusoff (2023), misalnya, menjalankan kajian yang menitikberatkan kepentingan zakat terhadap pembangunan ummah. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa zakat memainkan peranan yang penting dalam memastikan kelangsungan hidup masyarakat global dengan memberikan impak positif yang signifikan dalam tiga aspek utama, iaitu ekonomi,

sosial, dan pendidikan. Melalui agihan zakat yang berkesan, kesejahteraan masyarakat dapat tercipta, membentuk sebuah masyarakat yang berdaya saing, berjaya, dan menjanjikan masa depan yang lebih sejahtera. Dalam konteks ini, penemuan kajian Sha'ari dan Mohd Yusoff (2023) menekankan pentingnya sokongan dan dorongan berterusan untuk menggalakkan pemberian zakat secara konsisten serta pengagihan yang adil dan efisien kepada individu yang layak menerima zakat. Langkah ini penting dalam memastikan pengekalan keseimbangan sosial dalam masyarakat moden yang terus berubah. Dengan memperkuatkan sistem zakat dan memastikan penggunaannya yang efektif, kita dapat melangkah ke arah mengurangkan jurang sosial dan mencapai kesejahteraan yang lebih luas bagi semua lapisan masyarakat.

Kajian Abdul Nasir (2023) mengenal pasti impak positif agihan zakat terhadap pendidikan masyarakat orang asli di Jerantut, Pahang. Dalam usaha untuk menghimpun maklumat yang tepat, lima orang pegawai dari Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang terlibat secara langsung dengan proses agihan zakat kepada masyarakat orang asli telah ditemubual. Hasil temubual menunjukkan bahawa agihan zakat ini telah berperanan penting dalam memajukan taraf pendidikan anak-anak masyarakat tersebut. Pihak MUIP telah menyusun pelbagai jenis bantuan untuk meningkatkan pendidikan masyarakat orang asli. Antaranya termasuk tajaan pengajian ke sekolah-sekolah agama, bantuan pelajaran untuk pengajian peringkat diploma dan ijazah, bantuan tahunan, serta bantuan sempena hari raya, saguhati, dan elau. Langkah-langkah ini telah membuktikan komitmen MUIP dalam memastikan akses pendidikan yang setara dan berkualiti bagi masyarakat orang asli, membantu mereka mengatasi cabaran ekonomi serta meningkatkan taraf hidup

secara menyeluruh. Dengan pelaksanaan yang efektif dan berterusan ini, agihan zakat oleh pihak MUIP bukan sahaja membawa manfaat kepada individu yang menerimanya, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan komuniti secara lebih luas.

Kajian oleh Hambari et al. (2020) meninjau peranan penting zakat dalam menangani kemelut yang ditimbulkan oleh wabak COVID-19, dengan meneliti aspek perundungan Islam dan aplikasinya dalam konteks tersebut. Kajian ini memfokuskan kes khusus Majlis Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang telah mengambil pelbagai langkah untuk membantu golongan yang terjejas secara langsung oleh krisis ini. Salah satu hasil penting kajian ini adalah penemuan tentang program agihan zakat yang dijalankan oleh Baitulmal-MAIWP untuk membantu golongan yang terjejas akibat COVID-19. Program ini, yang dikenali sebagai "Bantuan Zakat Kecemasan Covid-19" atau #MusaadahCovid19MAIWP, bertujuan untuk meringankan beban rakyat biasa yang terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan dalam usaha mengekang penularan wabak tersebut. Inisiatif ini menjadi contoh penting bagaimana zakat dapat digunakan sebagai instrumen penting dalam menangani kesan sosio-ekonomi daripada krisis yang melanda. Dengan melibatkan institusi zakat seperti Baitulmal-MAIWP, bantuan yang diberikan mampu memberi manfaat yang besar kepada golongan yang memerlukan, membantu mereka bertahan dalam ketika sukar. Program ini juga menggambarkan kesungguhan dan tanggungjawab sosial agihan zakat dalam situasi darurat seperti pandemik COVID-19.

*Kajian Lepas Tentang Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat*

Di samping itu, terdapat juga kajian yang berkaitan dengan penentuan faktor-faktor yang mempengaruhi pematuhan terhadap pembayaran zakat oleh masyarakat Islam, seperti faktor sikap, pengaruh rakan sebaya, dan pengetahuan tentang zakat (Hakimi et al., 2021), pendedahan (Ab Wahab, 2016), tingkat pendapatan dan kepercayaan kepada ketelusan pentadbir zakat (Putra & Lestari, 2022), keagamaan dan efikasi diri (Haji Othman et al., 2017), kefahaman (Bidin et al., 2021), serta sikap individu (Waepa, 2018). Selain faktor penentu di pihak pembayar zakat, terdapat juga kajian yang melihat faktor penentu di pihak pentadbir zakat misalnya kajian oleh Meerangani et al. (2021) yang meneliti faktor kualiti perkhidmatan dan aktiviti dakwah Lembaga Zakat Selangor. Bagi kajian luar negara, kajian Ariani dan Arsyianti (2021) mendapatkan unit kutipan dan medium bayaran zakat secara atas talian tidak mempengaruhi kutipan zakat di Indonesia.

Melihat kepada kajian Hakimi et al. (2021), objektif utama kajian tersebut adalah untuk menguji secara empirikal faktor-faktor yang mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap ketaatan membayar zakat. Kajian ini mengukur niat membayar zakat menggunakan komposisi teori tingkah laku terancang (TPB) yang terdiri daripada 3 perkara iaitu sikap, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku yang ditanggap. Dapatkan empirikal menunjukkan sikap positif dan pengetahuan zakat telah mempengaruhi niat membayar zakat secara positif dan signifikan. Niat membayar zakat memberi kesan positif yang signifikan terhadap tingkah laku kepatuhan membayar zakat profesion walaupun dalam tempoh COVID-19. Manakala pengaruh rakan sebaya tidak memberi kesan yang signifikan terhadap niat membayar zakat akibat era COVID-19.

Ab Wahab (2016) pula menjalankan kajian

ke atas entiti perniagaan di mana matlamat kajianya adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat dalam entiti perniagaan. Berdasarkan data kualitatif daripada temubual dengan 14 syarikat dan data kuantitatif daripada 113 soal selidik (13 syarikat), kajian ini mendedahkan tiga faktor utama yang mempengaruhi pembayaran zakat oleh entiti perniagaan, iaitu usaha yang dilakukan oleh institusi zakat (Peranan Institusi Zakat), tindakan yang diambil oleh kerajaan. (Tindakan Kerajaan) dan inisiatif syarikat sendiri (Motivasi Dalaman).

Kajian oleh Putra dan Lestari (2022) memberikan gambaran dan bukti empirikal berhubung pengaruh ilmu, tingkat pendapatan, ketelusan, dan keyakinan Muzakki dalam membayar zakat melalui Pertubuhan Zakat di Indonesia, khususnya perbezaan antara pulau Jawa dan luar Jawa. Data kajian ini dikumpul menerusi edaran soal selidik dengan kriteria responden yang telah ditentukan. Hasil kajian mendapati pengetahuan, ketelusan, dan pembolehubah tidak mempunyai kesan yang signifikan dalam membayar zakat melalui Pertubuhan Zakat di Indonesia, manakala pembolehubah tahap pendapatan mempunyai kesan positif yang signifikan di luar Pulau Jawa.

Faktor sikap, efikasi diri, kewajipan moral dan keagamaan telah dikaji dalam kajian Haji Othman et al. (2017). Kajian ini mengkaji penentu tingkah laku kepatuhan zakat pendapatan dengan menambahkan keagamaan dan kewajipan moral Islam kepada Teori Tingkah Laku Terancang (TPB) agar lebih memahami penentu zakat pendapatan pekerjaan. Saiz sampel yang digunakan dalam kajian ini ialah 372. Kajian tersebut telah membuktikan bahawa sikap, efikasi kendiri, kewajipan moral dan keagamaan mempunyai hubungan yang signifikan dan pengaruh positif terhadap niat kepatuhan zakat. Namun, didapati

tidak terdapat hubungan yang signifikan antara norma subjektif, pengetahuan, persepsi terhadap pendedahan promosi, persepsi terhadap undang-undang, persepsi terhadap kualiti perkhidmatan, dan persepsi terhadap ekuiti dalam agihan zakat, rebat cukai, dan niat.

Kajian seterusnya ialah kajian di negara Thailand di mana Waepa (2018) melaporkan bahawa tiga institusi agama Islam di Thailand menghadapi cabaran sosial yang menjadi sebahagian daripada halangan ke arah peningkatan peranan zakat dalam kalangan masyarakat Islam di Bangkok. Cabaran sosial tersebut boleh dibahagikan kepada tiga aspek iaitu kefahaman, sikap dan penghayatan masyarakat Islam terhadap kewajipan zakat. Manakala Meerangani et al. (2021) mengenal pasti faktor penentu yang mempengaruhi pembayaran zakat di Lembaga Zakat Selangor (LZS) oleh masyarakat Islam Daerah Petaling. Kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk tinjauan ini mencatatkan penemuan bahawa masyarakat Islam khususnya di daerah Petaling secara umumnya mempunyai kesedaran yang baik tentang aktiviti pembayaran zakat. Misalnya, faktor kualiti perkhidmatan dan aktiviti dakwah menunjukkan perhubungan yang positif terhadap pembayaran zakat di LZS. Faktor strategi dakwah serta urus tadbir yang baik dan efektif juga dilihat mempengaruhi pembayaran zakat oleh masyarakat seterusnya membawa kepada peningkatan kadar kutipan zakat di LZS.

Walaupun kajian mengenai zakat telah dilakukan secara meluas, namun dapat diperhatikan bahawa terdapat kekurangan kajian yang khusus untuk negeri Terengganu. Dengan populasi penduduk yang beragama Islam hampir 95% di negeri ini, terdapat keperluan yang mendesak untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam berkaitan faktor-faktor penentu

pembayaran zakat di Terengganu. Hasil tinjauan kajian-kajian lepas, dapat disimpulkan bahawa kurangnya kajian yang difokuskan kepada pembayaran zakat di negeri Terengganu yang mana secara tidak langsung ianya memberikan pemahaman yang kurang jelas tentang amalan zakat dalam komuniti Islam di sana. Oleh itu, penyelidik terpanggil untuk mengisi kelompong ini dengan menjalankan kajian yang menyeluruh, yang tidak hanya meneliti pola pembayaran zakat tetapi juga memahami faktor-faktor mempengaruhi keputusan individu dalam membuat pembayaran zakat.

Justeru, objektif kajian yang dirangka bagi kajian ini ialah; (i) mengenalpasti perkaitan antara faktor pengetahuan, pendedahan, efikasi diri, sikap dan kesedaran terhadap pembayaran zakat dan (ii) mencadangkan satu model berkaitan hubungan antara pengetahuan, pendedahan, efikasi diri, sikap dan kefahaman terhadap pembayaran zakat.

## **Metodologi**

### *Pembinaan Soal Selidik*

Dalam membina soal selidik untuk kajian ini, penyelidik merujuk kepada kajian literatur yang mengenal pasti beberapa faktor penting yang mempengaruhi pembayaran zakat, iaitu pengetahuan, pendedahan, efikasi diri, sikap, dan kefahaman. Bagi memastikan kualiti soal selidik yang dibina, penyelidik telah mengadakan pertemuan dengan tiga pakar dalam bidang masing-masing. Pertama, seorang pakar muamalat dari institusi zakat memberikan pandangan yang mendalam mengenai aspek-aspek agama dan praktikal berkaitan dengan zakat. Kedua, seorang ahli akademik menyumbangkan kepakaran dalam bidang zakat secara teori untuk membina soal selidik yang tepat. Seterusnya, yang terakhir seorang pakar

statistik khusus dalam analisis Partial Least Square-SEM (PLS-SEM) membantu dalam metodologi penyelidikan dan menyemak kesahihan serta kebolehpercayaan soal selidik.

Melalui kerjasama pakar-pakar ini, proses peninjauan terhadap soal selidik telah berjaya dijalankan, dan beberapa penambahbaikan telah dilakukan secara berulang hingga soal selidik yang diperolehi dapat dianggap sebagai versi yang sempurna. Soal selidik ini mengandungi 34 item soalan yang dibina, 30 item mewakili pemboleh ubah tidak bersandar, manakala empat item soalan mewakili pemboleh ubah bersandar. Secara keseluruhannya, soal selidik ini mempunyai enam bahagian mengikut pembolehubah kajian beserta demografi dan pengukuran menggunakan Skala Likert 5-mata. Secara keseluruhan, soal selidik ini telah melalui proses penyelarasan yang teliti dan menyeluruh dengan sokongan pakar-pakar dalam bidang yang relevan. Dengan ini, soal selidik yang diperoleh dianggap sebagai versi yang sempurna dan bersedia untuk digunakan dalam mengumpulkan data yang diperlukan untuk kajian ini.

#### *Persampelan dan Teknik Persampelan*

Proses persampelan merupakan langkah untuk memilih sebahagian subjek dari populasi tertentu sebagai responden dalam kajian (Piaw, 2014). Prosedur pensampelan memainkan peranan penting kerana ia membolehkan pemilihan sampel secara rawak untuk mewakili keseluruhan populasi. Dalam kajian ini, unit analisis merangkumi individu Muslim yang bekerja dan memenuhi ciri-ciri berikut: (i) berumur 18 tahun ke atas, (ii) bekerja di sektor awam, swasta, atau sebagai usahawan, dan (iii) menetap di negeri Terengganu. Ini adalah kerana individu yang berumur 18 tahun dan ke atas adalah terdiri daripada

mereka yang telah bekerja dan merupakan pembayar dan juga potensi pembayar zakat. Manakala pemilihan negeri Terengganu sebagai lokasi kajian adalah kerana peratusan populasi bumiputera Islam di Terengganu adalah antara yang tinggi iaitu 95% iaitu sekitar 1.148 juta orang berbanding negeri-negeri lain di Malaysia (Bancian Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Kajian ini menggunakan teknik persampelan kawasan pelbagai lapisan dan persampelan rawak. Penggunaan teknik ini disebabkan ianya melibatkan beberapa daerah dan subjek yang terdiri daripada pelbagai ciri. Selain itu, menurut Cohen (1992) saiz sampel minimum ditentukan melalui hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar dengan menggunakan kaedah *10-time rule* berdasarkan anak panah pembolehubah tidak bersandar ke pemboleh ubah bersandar. Oleh itu, minimum sampel bagi kajian ini adalah 50. Namun, penyelidik mengambil kira isu kadar pulangan soal selidik daripada responden yang berkemungkinan rosak, tidak dikembalikan, dan tidak lengkap. Justeru, sasaran pengedaran soal selidik bagi kajian ini adalah kepada 384 orang. Ini sejajar dengan pandangan Krejcie dan Morgan (1970) dari populasi 1,000,000, jumlah sampel saiz yang mencukupi ialah sebanyak 384 responden.

#### *Proses Pengumpulan Data*

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang melibatkan pengumpulan data melalui borang soal selidik kepada 384 responden dari kalangan masyarakat Islam di negeri Terengganu yang berumur 18 tahun ke atas. Setiap responden diberikan tempoh selama 14 hari untuk menjawab soal selidik. Bagi responden yang masih belum memulangkan borang soal selidik selepas tempoh tersebut, responden akan diberikan

tempoh tambahan selama lima hari. Seterusnya, penyelidik akan menjalankan lawatan susulan untuk mendapatkan kembali borang soal selidik yang belum dipulangkan. Jika selepas usaha ini masih tiada respons, penyelidik akan menganggap borang soal selidik tersebut tidak dapat dipulangkan semula. Setelah memperoleh jumlah maklum balas yang mencukupi, proses analisis data akan dilakukan. Melalui proses ini, penyelidik akan dapat menganalisis dan menafsirkan data dengan betul untuk menjawab soalan penyelidikan serta membuat kesimpulan yang berasaskan bukti. Hasil kajian yang diperoleh akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat di Terengganu.

### *Analisis Data*

Kaedah analisis data dalam kajian ini melibatkan penggunaan dua perisian, iaitu SPSS Versi 22 dan Smart-PLS Versi 3.2.7. Proses analisis data ini difokuskan pada ujian hubungan secara langsung yang berkaitan dengan lima faktor dalam pemilihan kaedah pembayaran zakat. Tujuan utama adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kaedah pembayaran zakat. Analisis data juga melibatkan ujian kesahan dan kebolehpercayaan, yang sering kali melibatkan pengiraan nilai alpha untuk mengukur tahap kebolehpercayaan instrumen pengukuran. Langkah seterusnya

adalah melakukan ujian multikolineariti untuk memastikan bahawa tidak ada masalah serius dengan keterkaitan yang tinggi antara pembolehubah bebas, yang boleh menjelaskan kebolehpercayaan hasil analisis. Selain itu, ujian muatan faktor (*factor loading*) dilakukan bagi setiap item dalam soal selidik untuk mengukur kekuatan hubungannya dengan konstruk yang dirancang. Langkah terakhir dalam proses analisis data adalah menentukan laluan koefisien (*path coefficients*) yang menggambarkan kekuatan dan arah hubungan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Ini membolehkan penyelidik untuk membuat inferens tentang kesan langsung faktor-faktor yang dikaji terhadap pemilihan kaedah pembayaran zakat.

### **Dapatan dan Perbincangan**

#### *Ujian Kesahan dan Kebolehpercayaan*

Dalam ujian kesahan dan kebolehpercayaan data, nilai Alpha Cronbach dilihat sebagai salah satu ukuran penting untuk menilai kebolehpercayaan instrumen pengukuran. Sekaran (1992) serta McMillan dan Schumacher (2006) telah menekankan bahawa nilai Alpha Cronbach yang dihasilkan hendaklah melebihi 0.60 untuk setiap pembolehubah dalam soal selidik. Jadual 1 dalam kajian ini menunjukkan hasil ujian kesahan dan kebolehpercayaan data.

Jadual 1: Ujian Kesahan dan Kebolehpercayaan

Pemboleh ubah	Item		
		<u>Kesahan</u> Koef. Korelasi	<u>Kebolehpercayaan</u> Alpha Cronbach
Pengetahuan (B)	B1	0.899	0.868
	B2	0.897	
	B3	0.896	
	B4	0.682	
	B5	0.746	
	B6	0.510	
Kefahaman (C)	C1	0.670	0.775
	C2	0.676	
	C3	0.756	
	C4	0.660	
	C5	0.726	
	C6	0.601	

Efikasi Diri (D)	D1	0.558	0.770
	D3	0.796	
	D5	0.837	
	D7	0.879	
Sikap (E)	E1	0.632	0.714
	E4	0.807	
	E5	0.851	
	E7	0.611	
Kefahaman (F)	F3	0.821	0.622
	F4	0.880	
Kecenderungan Membayar Zakat (KPZ)	KPZ1	0.731	0.633
	KPZ2	0.643	
	KPZ3	0.694	
	KPZ4	0.684	

Nilai Alpha Cronbach untuk faktor pengetahuan adalah 0.868, faktor pendedahan 0.775, faktor efikasi diri 0.770, faktor sikap 0.714, faktor kefahtaman 0.622, dan faktor kecenderungan membayar zakat 0.633. Kesemua nilai Alpha Cronbach untuk pembolehubah tersebut melebihi 0.60, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi, sejajar dengan saranan Sekaran dan Bougie (2013).

Nilai Alpha Cronbach bagi setiap faktor dalam ujian kesahan dan kebolehpercayaan data adalah seperti berikut: faktor pengetahuan memperoleh nilai 0.868, faktor pendedahan 0.775, faktor efikasi diri 0.770, faktor sikap 0.714, faktor kefahtaman 0.622, dan faktor kecenderungan membayar zakat 0.633. Kesemua nilai Alpha Cronbach ini melebihi ambang nilai 0.60, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan memuaskan bagi konstruk atau instrumen tersebut.

#### *Ujian Multikolineariti dan Muatan Faktor*

Ujian multikolineariti sering kali dilakukan menggunakan nilai *Variance Inflation Factor* (VIF) sebagai petunjuk. Dalam konteks ini, masalah multikolineariti dianggap tidak serius jika nilai VIF yang diperoleh kurang dari 10. Namun, jika nilai VIF melebihi 10, hal ini menunjukkan adanya multikolineariti yang signifikan dan item yang terkait harus dipertimbangkan untuk dihapus dari model. Manakala, muatan faktor yang kurang dari 0.5 juga dapat menjadi masalah dalam analisis faktor. Menurut Hair et al. (2014), muatan faktor yang rendah menunjukkan bahawa pemboleh ubah tersebut tidak memberikan pengaruh yang signifikan terhadap konstruk yang diukur oleh faktor tersebut, dan oleh sebab itu ia perlu dihapuskan dari model. Jadual 2 menunjukkan hasil ujian multikolineariti dengan menggunakan nilai VIF.

Jadual 2: Ujian Multikolineariti

Bil	PEMBOLEH UBAH BERSANDAR	VIF SEBELUM PEMBAIKAN	Factor Loading Test (item yang digugurkan)	STATUS
1	Kecenderungan Pembayaran Zakat (KPZ) KPZ1 KPZ2 KPZ3 KPZ4	3.318 1.759 1.815 1.346		Tiada multikolineariti pada <i>inner</i> dan <i>outer</i> model.

Bil	PEMBOLEH UBAH TIDAK BERSANDAR	VIF SEBELUM PEMBAIKAN	Factor Loading Test (item yang)	STATUS
-----	-------------------------------	-----------------------	---------------------------------	--------

---

digugurkan)

1	Pengetahuan (B)	5.408	Tiada multikolineariti pada inner dan outer model
	B1	5.653	
	B2	1.534	
	B3	2.277	
	B4	1.623	
	B5	2.061	
	B6		
2	Pendedahan (C)		Tiada multikolineariti pada inner dan outer model.
	C1		
	C2		
	C3		
	C4		
	C5		
	C6		
3	Efikasi Diri (D)	1.089	Tiada multikolineariti pada inner dan outer model.
	D1	1.580	
	D3	1.207	
	D5	1.687	
	D7		<u>Item yang tinggal</u> D3,D5,D7
4	Sikap (E)	1.164	Tiada multikolineariti pada inner dan outer model.
	E1	1.192	
	E4	1.384	
	E5	1.186	
5	Kefahaman (F)	1.438	Tiada multikolineariti yang serius pada inner dan outer model
	F3	1.438	
	F4		

---

Seterusnya, dalam ujian muatan faktor (*factor loading test*), nilai faktor pembeban (CV), Alpha Cronbach ( $\alpha$ ), CR, AVE, R2,  $\beta$ , nilai p, dan nilai t ditentukan. Jadual 3 menunjukkan faktor analisis terhadap faktor pembayaran dan KPZ dengan melibatkan nilai CV, Alpha Cronbach, CR, AVE, R2,  $\beta$ , nilai p dan nilai t. Hasil analisis menunjukkan 25 item yang melepas syarat muatan faktor melebihi 0.5.

Seterusnya, ujian muatan faktor (*factor loading test*) dijalankan dengan memeriksa nilai faktor pembeban (CV), Alpha Cronbach ( $\alpha$ ), CR, AVE, R2,  $\beta$ , nilai p, dan nilai t. Jadual 3 mengindikasikan ujian muatan faktor terhadap faktor pembayaran dan KPZ dengan menghubungkaitkan nilai CV, Alpha Cronbach, CR, AVE, R2,  $\beta$ , nilai p, dan nilai t.

Jadual 3: Ujian Faktor Analisis

BIL	FAKTOR	ITEM	(CV)	$\alpha$	CR	AVE	R <sup>2</sup>	$\beta$	Nilai p	Nilai t
1	KPZ	KPZ 1	0.801	0.693	0.711	0.524	0.868			
		KPZ 2	0.793							
		KPZ 3	0.656							
		KPZ 4	0.628							
2	Pengetahuan (B)	B1	0.899	0.886	0.922	0.640		0.420	0.000	8.179*
		B2	0.888							
		B3	0.899							
		B4	0.732							
		B5	0.689							
		B6	0.650							
3	Pendedahan (C)	C1	0.743	0.842	0.867	0.567		0.214	0.000	4.075*
		C2	0.809							
		C3	0.849							
		C4	0.794							
		C5	0.756							
		C6	0.521							

4	Efikasi Diri (D)	D3 D5 D7	0.795 0.880 0.834	0.788	0.812	0.700	0.290	0.000	5.397*
5	Sikap (E)	E1 E4 E5 E7	0.686 0.795 0.744 0.544	0.655	0.683	0.488	0.221	0.000	3.771*
6	Kefahaman (F)	F3 F4	0.848 0.910	0.711	0.741	0.773	-0.019	0.513	0.513

Menurut MacCallum et al. (1999) nilai purata melebihi 0.6 boleh diterima untuk sampel kurang daripada 100, nilai purata antara 0.5 dan 0.6 boleh diterima untuk saiz sampel antara 100 dan 200. Justeru, soal selidik kajian ini melepas nilai purata yang boleh diterima kerana kesemua pemboleh ubah mencatatkan nilai analisis faktor melebihi 0.6.

Dalam kajian ini, hanya 25 daripada 34 item lulus ujian *Variance Inflation Factor* (VIF) dan ujian muatan faktor (*factor loading test*) sebagaimana yang direkodkan dalam Jadual 3.

Seterusnya, model hubungan secara langsung yang melibatkan lima pembolehubah tidak bersandar dan satu pembolehubah bersandar dibentuk menggunakan persamaan seperti berikut:

$$KPZ = \beta_0 + \beta_1 B + \beta_2 C + \beta_3 D + \beta_4 E + \beta_5 F + \epsilon$$


$\beta$ : Koefisien teranggar

$\epsilon$ : Residual

*Analisis Model Berstruktur Laluan Koefisien (Structural Model Path*

### *Coefficients)*

Rajah 1 menggambarkan model ujian laluan koefisien untuk semua pembolehubah yang terlibat dalam kajian ini. Manakala, Jadual 4 merangkumi hasil analisis hubungan langsung dalam model, termasuk nilai p, nilai t, dan hubungan kesemua faktor pembayaran terhadap KPZ. Hubungan secara langsung menunjukkan bahawa keempat-empat faktor mempengaruhi KPZ, iaitu B\* ( $p=0.000$ ,  $t=8.179$ ), C\* ( $p=0.000$ ,  $t=4.075$ ), D\* ( $p=0.000$ ,  $t=5.397$ ), dan E\* ( $p=0.000$ ,  $t=3.771$ ). Disamping itu, hasil ujian menunjukkan nilai koefisien teranggar ( $\beta$ ), nilai p, dan nilai t untuk faktor B ( $\beta=0.420$ ,  $p=0.000$ ,  $t=8.179$ ), C ( $\beta=-0.214$ ,  $p=0.00$ ,  $t=4.075$ ), D ( $\beta=0.290$ ,  $p=0.000$ ,  $t=5.397$ ), E ( $\beta=0.221$ ,  $p=0.000$ ,  $t=3.771$ ), dan F ( $\beta=-0.019$ ,  $p=0.513$ ,  $t=0.513$ ). Berdasarkan hasil ujian terhadap hubungan KPZ secara langsung, empat faktor, iaitu faktor pengetahuan (B), faktor pendedahan (C), faktor efikasi diri (D), dan faktor sikap (E), mempengaruhi KPZ secara langsung, manakala faktor kesedaran (F) tidak mempengaruhi responden dalam kecenderungan membayar zakat.



Rajah 1: Model hubungan secara langsung faktor pembayaran terhadap KPZ

Jadual 4: Ujian hubungan secara langsung terhadap KPZ

Pemboleh Ubah Laten	Koefisien Teranggar ( $\beta$ )	Nilai p	Nilai t	Hipotesis	Sig*
B - ZPT	0.420	0.000	8.179	Sokong	*
C - ZPT	0.214	0.000	4.075	Sokong	*
D - ZPT	0.290	0.000	5.397	Sokong	*
E - ZPT	0.221	0.000	3.771	Sokong	*
F - ZPT	-0.019	0.000	0.513	Tolak	

Faktor pengetahuan mempengaruhi pembayaran zakat disokong oleh dapatan kajian Hakimi et al. (2021), Fitri dan Falikhatur (2021) serta Martono et al. (2019). Dengan merangkumkan hasil dapatan ini, dapat disimpulkan bahawa pengetahuan memainkan peranan penting dalam membentuk perilaku pembayaran zakat. Pemahaman yang kukuh tentang konsep-konsep zakat, akses kepada maklumat, dan pengalaman praktis dalam menunaikan zakat boleh memberikan sumbangan yang besar dalam meningkatkan penyertaan dan kualiti pembayaran zakat dalam masyarakat.

Dalam konteks faktor pendedahan terhadap zakat, bukti dari kajian-kajian terdahulu memberikan gambaran yang menarik dan memberi sokongan kepada peranan

pentingnya dalam pengaruh pembayaran zakat. Sebagai tambahan kepada faktor pengetahuan, faktor pendedahan ini memperluaskan lagi pemahaman tentang pengaruh yang dapat mempengaruhi perilaku pembayaran zakat seseorang. Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian Ab Wahab (2016) di mana semakin tinggi pendedahan mengenai zakat diterima oleh individu, semakin cenderung beliau ke arah kepatuhan membayar zakat. Beberapa kajian lepas juga menemukan hubungan yang positif antara faktor efikasi diri dan pembayaran zakat (Mohd Sayuthi & Juisin, 2022) serta faktor sikap dan pembayaran zakat (Hakimi et al., 2021; Mohd Sayuthi & Juisin, 2022).

Walaubagaimanapun, faktor kefahaman didapati turut mempengaruhi pembayaran

zakat sebagaimana yang ditemukan dalam kajian Nasution et al. (2017) serta kajian Ahmad et al. (2022). Namun dapatan kajian penyelidik menemukan sebaliknya. Analisis mendalam dalam kajian yang dijalankan ini mengungkapkan bahawa, meskipun kefahaman tentang zakat memainkan peranan penting dalam memahami konsep dan kepentingan zakat, namun tidak secara langsung mempengaruhi kecenderungan pembayaran zakat. Meskipun seseorang mungkin memahami pentingnya zakat dalam ajaran agama, namun jika mereka tidak memiliki motivasi yang cukup atau jika zakat bukanlah prioriti utama dalam kehidupan mereka, maka kefahaman tersebut mungkin tidak mempengaruhi tindakan nyata dalam pembayaran zakat.

Justeru, dalam konteks kajian ini, kecenderungan membayar zakat oleh masyarakat Islam di Terengganu banyak dipengaruhi oleh faktor pengetahuan, pendedahan kepada pembayaran zakat, efikasi diri dan sikap, tetapi tidak faktor kefahaman tentang zakat. Oleh itu, dengan memahami lebih dalam tentang faktor-faktor lain yang juga dapat mempengaruhi keputusan pembayaran zakat, pengkaji akan dapat merancang strategi yang lebih efektif untuk meningkatkan penyertaan dan kualiti pembayaran zakat dalam masyarakat.

## Kesimpulan

Kepentingan dalam melibatkan setiap Muslim yang layak membayar zakat perlu dipandang dengan serius. Ini disebabkan pembayaran zakat oleh pemberi zakat dapat menyumbang kepada perolehan zakat yang konsisten. Untuk mencapai matlamat tersebut, perlu diperkuuhkan inisiatif di peringkat masyarakat Islam, termasuk memberikan kesedaran mengenai kepentingan menunaikan zakat. Peranan faktor pengetahuan, pendedahan, efikasi

diri, dan sikap telah menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap kecenderungan membayar zakat (KPZ). Keseluruhan, implikasi dasar dalam kertas kerja ini difokuskan pada dua cabang utama. Pertama, pembinaan model Kecenderungan Membayar Zakat (KPZ) melalui faktor-faktor penentu pembayaran zakat. Model ini membentuk asas bagi kerangka kajian yang memfokus kepada kecenderungan pembayaran zakat. Kedua, pengaplikasian KPZ dalam konteks kutipan zakat. Implikasi dari hasil kajian ini dapat membantu pihak berkaitan merangka rancangan strategik yang lebih efektif, termasuk mengintensifkan usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat dalam menunaikan kewajipan zakat.

## Penghargaan

Penyelidikan ini mendapat sokongan dari Research Zakat Fund (RZF) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan sekerja yang telah menyumbang kepakaran mereka dalam membantu penyelidikan ini.

## Rujukan

Ab Wahab, A. (2016). Faktor yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat di Syarikat Tersenarai Awam di Malaysia. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia (*In Malay*).

Abdul Nasir, N. N. (2023). Impak Agihan Zakat Terhadap Pendidikan Masyarakat Orang Asli Di Jerantut, Pahang. Journal of Islamic, Social, Economic and Development, 8(52): 64-69 (*In Malay*).

Ahmad, N., Hammad Ahmad Khan, H., Rahim, A. & Abdul Ghani, R. (2022). Kesediaan dan Kesanggupan Pembayaran

Zakat Perniagaan di Kalangan Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana: Kajian Kes di Daerah Kuala Muda/Yan, Kedah. International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy, 4(2): 54-65 (*In Malay*).

Ariani, N. & Arsyanti, L. D. (2021). The Influence of Internal and External Factors towards Zakat Collection of Indonesia National Board of Zakat. Global Journal Al-Thaqafah, Special Issues: 41-47.

Bidin, Z., Abdul Aziz, S., Derashid, C. & Ibrahim, I. (2021). Cabaran dan Strategi Penambahbaikan Kutipan Zakat Padi. International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy, 3(2): 107-117 (*In Malay*).

Cohen, J. (1992). A Power Primer. Psychological Bulletin, 112: 155-159.

Fitri, L. & Falikhun. (2021). Religiosity, Literacy, Income, and Accessibility to Awareness in Professional Zakah Payment: A Quantitative Study. International Journal of Zakat 6(1): 39-48.

Hair, Jr. J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M. & Sarsted, M. (2014). A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM). USA: SAGE.

Haji Othman, Y., Sheh Yusuff, M. S., Mohd Saufi, M. S. A. & Siti Hafsha. (2017). The Influence of Knowledge, Islamic Religiosity and Self-Efficacy on the Intention to Pay Income Zakat among Public Educators in Kedah, Malaysia. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 7(11): 1117-1127.

Hakimi, F., Widiastuti, T., Al-Mustofa, M. U. & Al-Husanaa, R. (2021). Positive Effect of Attitude, Peer Influence, and Knowledge Zakat on Zakat Compliance Behavior: Update in Covid 19. Journal of Islamic Economic Laws 4(2): 1-16.

Hambari, H., Arif, A. A. & Zaim, M. A. (2020). The Role of Zakat Institution in Facing Covid-19. Indonesian Conference of Zakat - Proceedings: 119-126.

Ibrahim, M. F. (2014). Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Analisis Strategi Penyebaran Maklumat Menerusi Laman Sesawang. Jurnal Pengurusan, 42: 119-130 (*In Malay*).

Jabatan Perangkaan Malaysia 2020 (*In Malay*).

Jalil, M. S. & Muhammad Puad, N. F. (2023). Empowerment of Zakat Collection and Distribution Management During COVID-19 Pandemic in Kedah State Zakat Board (LZNK). International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy, 5(1): 72-80.

Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement, 30(3): 607-610.

MacCallum, R. C., Widaman, K. F., Zhang, S. & Hong, S. (1999). Sample Size in Factor Analysis. Psychological Methods 4: 84 –99.

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (2022). <https://www.maidam.gov.my/index.php/pusat-maklumat/statistik/203-statistik-pungutan-zakat> (*In Malay*).

Martono, S., Nurkhin, A., Lutfhiyah, F., Fachrurrozie, Rofiq, A. & Sumiadji. (2019). The Relationship Between Knowledge, Trust, Intention to Pay Zakah, and Zakah Paying Behavior. International Journal of Financial Research, 10(2): 75-81.

McMillan, J. H., & Schumacher, S. (2006). Research in Education: Evidence-based

Inquiry (6th ed.). Cape Town: Pearson.

Meerangani, K. A., Amizi, A. S., Md Ariffin, M. F. & Rosele, M. I. (2021). Faktor Penentu Pembayaran Zakat Di Lembaga Zakat Selangor: Kajian Di Daerah Petaling. AZKA International Journal of Zakat and Social Sciences, 2(2): 1-18 (*In Malay*).

Mohd Azmi, N.A., Helme, M. S. H. & Hashim, R. (2018). Faktor yang Mempengaruhi Jumlah Agihan Dana Zakat Melebihi Jumlah Kutipan Pada Tahun 2014 hingga 2016 di MAIPk: Satu Analisa. Jurnal 'Ulwan, 1: 1-10 (*In Malay*).

Mohd Sayuthi, M. A. S. & Juisin, H. A. (2022). Factors Determining Zakat Payment on Gold Among Working Adults in Federal Territory, Malaysia: A preliminary Study. International Journal of Islamic Economics and Finance Research, 5(2): 24-35.

Nasution, E. Y., Ismail, M. A. & Wahid, H. (2017). Faktor Penentu Membayar Zakat di Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) dalam Kalangan Pembayar Zakat di Kota Medan, Indonesia. Jurnal Syariah, 25(1): 1-22 (*In Malay*).

Omar, M., Kamaruddin, N. & Sungip, F. (2016, November 23). Konsep Zakat dan Perannya Terhadap Masyarakat Sejagat. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference, Bukit Jelutong, Shah Alam: 68–86 (*In Malay*).

Piaw, C. Y. (2014). Research Basic Statistic (2nd ed.). McGraw Hill (M) Inc.

Putra, W. M. & Lestari, E. D. (2022). The Influence of Knowledge, Income Level, Transparency, and Trust in Muzakki's Interest to Pay Zakat through The Zakat Organization outside Java and Java Island. Advances in Economics, Business and

Management Research, 201: 108-124.

Raja Ahmad, R. A., Amiruddin Othman, A. M. & Salleh, M. S. (2015). Assessing the Satisfaction Level of Zakat Recipients towards Zakat Management. Procedia Economics and Finance, 31(15): 140-151.

Sekaran, U. (1992). Research Methods for Business: A Skill-Building Approach. New York: John Wiley & Sons, Inc.

Sekaran, U. & Bougie, R. (2013). Research Methods for Business—A Skill Building Approach. 6th Edition, John Wiley and Sons, West Sussex.

Sha'ari, H. & Mohd Yusoff, N. A. (2023). Kepentingan Zakat kepada Ummah. Journal of Islamic, Social, Economics & Development, 8(53): 406 - 419 (*In Malay*).

Suhardi, S. S. & Mohamed Fisol, W. N. (2020). Zakat Aid Schemes Distribution at Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) Based on the Maqasid Shari'ah Framework. International Journal of Advanced Research in Islamic and Humanities, 2(3): 19-29.

Waepa, W. (2018). Cabaran Sosial dalam Pelaksanaan Zakat kalangan Masyarakat Muslim Bangkok. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (*In Malay*).